

Pentadbiran negara berjaya elak berpolitik

6 NOV 1999

Oleh SAMSOR JUNET

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara telah mencapai kemajuan yang pesat setakat ini apabila jentera pentadbiran negara tidak melibatkan diri dengan peranan politik berpartisan.

Perdana Menteri berkata, sikap profesionalisme jentera pentadbiran melaksanakan dasar kerajaan itu telah membolehkan negara membangun dengan pesat malah kedaulatan negara dapat dipertahankan ketika diserang oleh kuasa asing.

“Perkhidmatan pentadbiran sedar jika ada di antara mereka yang menjadi aktif dalam memajukan politik pembangkang, jentera kerajaan tidak akan berkesan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis makan malam Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan di sini malam ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Sehubungan itu Dr. Mahathir berkata, jika peranan itu difahami, siapa juga menjadi kerajaan boleh yakin bahawa dasar serta rancangan yang dibentuk oleh pemerintah semasa akan dilaksanakan dengan cekap dan jujur oleh pentadbir.

“Saya percaya prinsip dan amalan ini akan dipegang terus oleh PTD supaya pemerintahan negara ini tidak akan terjejas jika ada pertukaran kerajaan,” katanya sambil berseloroh menambah, “harap tidaklah.”

Dr. Mahathir menjelaskan, pemisahan di antara tugas profesional pegawai PTD dengan partisan poli-

tik sebenarnya akan menjejaskan pelaksanaan dasar dan rancangan kerajaan semasa.

Menurutnya, apabila pembangkang pula menjadi kerajaan, perkara yang sama akan berlaku, “kerana pegawai yang memihak kepada parti kerajaan yang dikalahkan akan cuba secara aktif menggagalkan dasar kerajaan baru.”

Dengan ini kata beliau, jentera kerajaan tidak akan berkesan walau apa parti pun yang memerintah.

“Yang menjadi mangsa adalah negara dan rakyat dan apabila negara tidak dapat dibangunkan, pentadbir juga akan menerima padahnya,” katanya.

Profesional

Oleh sebab itu, kata Perdana Menteri, “sikap profesionalisme pentadbiran amat penting iaitu siapa juga yang menjadi kerajaan, pentadbiran perlu melaksanakan dan menjayakan segala rancangan dan dasar yang dibawa oleh kerajaan berkenaan.”

“Pendirian peribadi dan persendirian mengenai politik tidak boleh diambil kira atau mempengaruhi pelaksanaan keputusan kerajaan semasa,” tegas beliau.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri berkata, berjayanya Malaysia dibangunkan dengan pesat jelas membuktikan bahawa umumnya pentadbir di Malaysia memang bersikap profesional.

Katanya, jika ada pun kakitangan kerajaan yang tidak profesional, bilangan mereka adalah amat kecil sekali.

“Saya percaya pentadbir di Malaysia akan terus bersikap profesional demi kebaikan negara dan kita semua sebagai warga negara tercinta ini,” katanya.

Dalam hubungan ini kata

beliau, peranan kakitangan pentadbiran dalam menghadapi sesuatu krisis sama ada ekonomi dan politik adalah sangat penting.

“Jika pentadbir tidak cekap atau tidak sanggup berkorban untuk menangani masalah mereka maka sudah tentu krisis tidak akan dapat diatasi. Kegagalan ini tetap akan menjejaskan pembangunan dan kemajuan negara,” kata Dr. Mahathir.

Dalam ucapannya itu beliau turut menyorot sejarah pentadbiran negara ini yang menggunakan sistem elitis British yang memang baik susunannya tetapi menjadi satu kasta dan terasing daripada rakyat.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, asas itu tidak sesuai dengan negara yang mengamalkan demokrasi yang mana rakyat berkuasa ke atas kerajaan.

Dalam hubungan ini katanya, mungkin peranan rakyat dianggap amat terhad; hanya berkuasa mengundi dan memilih wakil mereka lima tahun sekali.

“Tetapi hakikatnya ialah mereka berkuasa menaikkan sesiapa yang mereka suka dan menjatuhkan sesiapa yang mereka tidak suka,” katanya.

Dalam hubungan itu Dr. Mahathir menambah, “kerajaan yang tidak melayan kehendak rakyat tidak akan mendapat sokongan mereka, tidak akan mendapat menjadi kerajaan, tidak akan dapat melaksanakan segala rancangan yang dicipta untuk negara.”

“Justeru itu sistem pentadbiran Malaysia terpaksa diubah supaya ia dapat berinteraksi dengan lebih rapat kepada rakyat di samping menyumbang khidmat yang lebih berkesan dan secara langsung dalam melaksanakan dasar dan rancangan kerajaan semasa,” ujarnya.